

Volume IV
No. 24



Saturday
8th December, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1963—

Committee of Supply (Fourth Allotted Day)—

Head S. 13 [Col. 2507]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Saturday, 8th December, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives,
ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE
AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN
ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH
THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN
HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting,
ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S.
(Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johore Bahru Barat).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).

The Honourable ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

- .. DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- .. ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- .. ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- .. ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- .. TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- .. ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM
(Kuala Trengganu Selatan).
- .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- .. ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara.)
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- .. ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- .. ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jejebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- .. ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- .. ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- .. DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K.
(Pasir Mas Hulu).
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- .. ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- .. ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

The Honourable TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).

„ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N.
(Johore Tenggara).

„ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).

„ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).

„ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).

„ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).

„ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).

„ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).

„ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Dato).

„ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).

„ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.
(Pontian Selatan).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

„ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

„ the Prime Minister, Minister of External Affairs and
Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU
ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

„ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and
Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

„ the Minister of Internal Security and Minister of the
Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
P.M.N. (Johore Timor).

„ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Malacca Tengah).

„ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).

„ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N.
(Ulu Selangor).

„ the Minister of Labour and Social Welfare,
ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

„ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI
TALIB (Kuantan).

„ the Assistant Minister of Labour,
ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).

„ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kita).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

„ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

The Honourable ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

Order read for consideration in Committee of Supply: (Fourth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head S. 13—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$15,512,035 for Head S. 13 stand part of the Schedule.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya hendak menyambong ucapan saya pada petang sa-malam berkenaan dengan penyakit ulat merah yang telah menyerang pokok² padi daripada tahun yang lalu sa-hingga sekarang ini di-kawasan saya khas-nya dan di-kawasan lain 'am-nya. Sa-malam saya telah menerangkan serba sedikit berkenaan dengan penyakit itu, dan hari ini saya menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya mengambil satu langkah dengan apa chara sa-kali pun untuk mengatasi penyakit itu supaya jangan merebak pada masa yang akan datang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap dalam hal Sharikat Bekerjasama. Saya hanya hendak membuat satu shor sahaja ia-itu berkenaan dengan Pegawai Sharikat Bekerjasama. Sa-bagaimana yang kita tahu di-dalam masa penjajah memerintah dahulu tidak memberi layanan yang patut kepada kaum wanita. Tetapi sa-lepas Merdeka dan pemerintah sekarang ini, ia-lah Kerajaan Perikatan telah memberi peluang kepada wanita bekerja di-dalam pejabat Kerajaan.

Ada satu perkara yang menarek perhatian saya ia-itu berkenaan dengan Maktab Pelajaran Tanaman. Pada masa dahulu penuntut-nya semua laki² sahaja, tetapi hari ini maktab itu menerima penuntut wanita yang ada kelulusan sa-bagaimana yang di-kehendaki, dan saya berasa gembira di-atas peluang yang di-beri kepada wanita itu. Di-dalam jajahan saya sendiri ada sa-orang wanita bekerja di-dalam Serong Experimental Station. Pegawai ini telah menjalankan kerja-nya dengan memuaskan hati.

Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan kepada Sharikat Kerjasama juga memberi peluang kepada wanita² untuk mengambil bahagian menuntut atau belajar berkenaan perkara Sharikat Kerjasama sa-bagaimana yang di-berikan kepada kaum lelaki juga. Saya perchaya jika ada sa-kiranya wanita² yang mempunyai 'ilmu berkenaan dengan Sharikat Kerjasama ini,

ia-lah Sharikat Kerjasama di-kampung² masa akan datang ini akan lebeh banyak lagi daripada yang ada sekarang ini. Sebab kita semua tahu sekarang ini kalau tidak banyak pun ada saya terbacha dalam surat khabar mengatakan ada dua tiga Sharikat² Kerjasama, Pegawai² dan ahli²-nya daripada kaum ibu sendiri. Jadi saya fikir perkara Sharikat yang mempunyai pengalaman daripada wanita², mereka ini saya fikir lebeh baik lagi supaya dapat untuk menasehat kaum² ibu mengadakan pertubohan Sharikat Kerjasama di-kampung masing².

Sa-lain daripada itu saya suka berchakap berkenaan dengan Fisheries. Kalau tidak silap, saya dengar sa-masa Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-dalam ucapan-nya sa-masa membentangkan anggaran perbelanjaan Kementerian ini ada-lah menyebutkan sedikit berkenaan dengan peruntukan² yang di-beri kepada nelayan². Saya berasa besar hati di-atas ucapan Yang Berhormat itu. Tetapi saya berasa dukachita nelayan² yang di-beri bantuan oleh Pejabat ini, sa-tahu saya yang banyak sa-kali di-sebelah pantai timur dan sa-belah pantai barat hanya-lah baharu sahaja satu, sa-bagaimana yang di-ucapkan oleh sahabat saya wakil dari Melaka Utara mengatakan Kerajaan telah menempatkan nelayan² di-Kuala Linggi. Dan di-atas apa di-dapati oleh nelayan² itu saya sangat²-lah berasa gumbira dengan sebab bantuan telah di-beri oleh Kerajaan. Tetapi sa-lain daripada tempat itu saya rasa tidak ada lagi. Di-sini saya bagi pehak nelayan² di-kawasan saya yang tidak kurang daripada 400 orang, saya meminta-lah kepada Menteri yang berkenaan ini supaya melangkahkan kaki melawat di-tempat² itu supaya dapat di-perhatikan dengan sendiri berkenaan dengan nelayan² di-dalam kawasan saya itu. Di-sana ada tiga tempat, satu Kuala Kurau, Tanjong Piandang, dan Bagan Tiang dan satu²-nya jauh lebeh 3 batu. Terutama-nya di-Kuala Kurau, Tuan Pengerusi, ahli² nelayan tidak ada langsung ada tanah hanya menyewa di-atas tanah orang dan baharu² ini saya telah perhatikan yang mereka² ini akan di-keluarkan daripada tanah² sewa; tanah² itu

malang-nya di-punya² oleh kawan² kita orang China. Jadi dengan itu orang² di-tempat itu ada-lah menjadi kesulitan dan kesusahan di-sana. Dengan sebab itu orang² itu telah mengadu kepada saya minta supaya berikhtiar bagaimana chara²-nya untuk menyelamatkan kedudukan orang ini. Jadi dengan inilah saya berharap kepada Menteri yang berkenaan atas perkara ini mengambillah satu perhatian untuk nelayan² atau untuk menetapkan tempat nelayan² dengan satu tempat yang mereka itu hendak keluar ka-laut dan juga mereka berselerak nelayan² dalam kawasan itu tempat masing². Sekian-lah dapat saya memberi fikiran saya dalam Majlis ini sa-belum saya menutup ucapan saya, saya mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama serta pegawai² dan kaki tangan dalam Pejabat-nya yang telah bersusah payah untuk menganggarkan perbelanjaan bagi tahun 1963 dan saya berharap anggaran ini akan memberi faedah kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu ini.

Enche' V. David (Bungsar): Mr Chairman, Sir, first of all, I take this opportunity to congratulate the Minister of Agriculture and Co-operatives for his initial move to put the co-operatives in their right footing. However, his past work will one day be acknowledged and appreciated by the people in this country.

Sir, during the last two days, there has been a lot of things said about fragmentation and co-operative societies. As far as I am concerned, we realise the importance of co-operatives in this country and no trade unionist or trade union will oppose the establishment of co-operative societies in any country. However, a co-operative organisation should not lose its directions, should not defeat its purpose and objects and should not be run for political purposes.

Mr Chairman, Sir, we read yesterday a report by an expert in this country about fragmentation and the consequences which may arise if fragmentation is allowed to continue in rubber estates. Sir, our primary product and

the life blood stream of Malayan economy being rubber, it is important to see that fragmentation is prevented so that the industry will not suffer as a result of this.

The Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications is now operating the National Land Finance Society which, I understand, is buying estates. As I have said earlier, we are not against co-operatives, but at the same time they should not lose their objects by accommodating politicians who are not interested in co-operatives and who want to make money for their own ends. Let us examine the composition of this Society. I know at least of one individual, who is not the least interested in co-operatives and who is a most distinguished Senator in this country. He is one of the Directors of the Society—I am sorry to say this—and he is neither interested in co-operatives nor he is interested in the stability of the economy of this country, because his main interest is to make money as far as possible and invest it in foreign countries, which he has been doing in the past and at present. So, if such persons are placed as Directors of this National Land Finance Society, I am afraid the workers who enter this organisation, who contribute to build this organisation, will not ultimately benefit at all. Further, it is so glaring that this organisation is only appointing as Directors either members of the MIC or members who sympathise with the cause of the MIC. The society has not brought into the fold various people from different walks of life who really believe in co-operatives and who have a genuine desire to prevent fragmentation in this country. By allowing or opening this organisation for unscrupulous persons, unscrupulous exploiters, businessmen, this organisation may, in the long run, lose its identification as a genuine co-operative movement.

Further, I should also like to stress that it would be wrong to believe that a large scale of fragmentation can be prevented by a Society of this nature. Fragmentation can only be prevented by effective legislation enacted by the Governments such as of Ceylon and of

India where, seeing the rising consequences, the Governments have introduced appropriate legislation to prevent fragmentation. So, in this country if such a legislation is introduced, that will prevent the question of fragmentation. As we understand, countries in all parts of the world are keen to produce synthetic rubber. Until and unless the quality and standard of our rubber can compete with synthetic rubber with other parts of the world, Malaya cannot go ahead with its development programme.

Further, Sir, as I have said very clearly, we are not making any allegations against anybody nor are we trying to say that there should be no co-operative movement. We believe in it, and we wish there should be more co-operative movements. Any trade unionist or trade union will support that co-operative movement which is formed with the earnest desire of assisting the workers, but let that not be open to certain individuals, certain businessmen, who have no interest in the estate workers and no interest at all in regard to the question of employment of workers in this country. Today, Mr Chairman, Sir, we find in this Land Society a gentleman, to whom I was referring just now, and who is a well-known, distinguished Senator in this country, committing all the dignified crimes under the cloak of being a Senator.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Sir, on a point of order—S.O. 36 (1). Sa-sorang ahli hendak-lah menghadkan perchakapannya kapada perkara yang di-binchangkan sahaja.

Enche' V. David: Sir, it is connected with the co-operatives.

Mr Chairman: You are talking about fragmentation. But the debate should be confined to the policy of the service for which the money is provided. You have been talking for a long time on fragmentation.

Enche' V. David: Sir, I have to speak on this, because during yesterday's debate, there has been a lot said about co-operatives, the Land Society and

also fragmentation. So you will only be giving me an opportunity to clarify certain things which it is necessary that the House should know. I did not refer to any names of Senators but I only said "a certain individual"—but if the cap fits him let him wear it! Mr Chairman, Sir, this gentleman has been appointed as one of the directors. I am sorry to see that after all he is a new member of the MIC and was an active member of the Independence of Malaya Party and then Party Negara.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: On a point of order 36 (1). Saya fikir itu tidak ada kena mengena dengan "policy of the service".

Mr Chairman: Yes, I think it has nothing to do with the policy of the service—it is irrelevant. You should not continue on that again.

Enche' V. David: But it is relevant, Sir. I am only trying to refer to the directors of the society because it is a co-operative movement.

Mr Chairman: You have been too long on it. Don't go into details, make it short.

Enche' V. David: Yes. If such individuals are put into a co-operative movement which is supposed to be run in the interests of the estate workers, the workers themselves will lose their confidence in the co-operative society sponsored by the Minister of Works, Posts and Telecommunications. Therefore, I would request that the whole society itself be reorganised or reconstituted with a genuine desire to assist the estate workers in time to come, and let it not be given in the hands of certain individuals who would make use of it for their own ends.

Besides this, the Government from now onwards should encourage co-operative housing. When I say co-operative housing, it does not mean that the Government allocate money to the Malaya Borneo Building Society to charge an interest according to their own whims and fancies, or entrust it in the hands of certain banks to charge exorbitant interests on loans. The Government should sponsor co-operative housing on the lines followed in

Israel and other parts of the world where better results have been produced by such schemes which would be in the interest of this country. Low cost housing on co-operative basis would assist to a large extent. But here in this country we find that no effective measures have been taken by the Government towards this direction.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam hal Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini, maka saya suka menarek perhatian Kementerian ini ia-itu berkenaan dengan kemajuan Sharikat Kerjasama di-kampung². Walau pun kemajuan Sharikat Kerjasama pada masa ini meningkat lebih maju dari masa yang sudah², tetapi masih ada banyak lagi perkara² yang mustahak di-ambil perhatian oleh Kementerian ini, terutama berkenaan dengan wang pinjaman. Tujuan orang² kampung yang menubuhkan sharikat itu ia-lah kerana mereka mengharapkan pinjaman untuk menebus barang² yang tergadai sa-umpama rumah, tanah dan sa-bagai-nya dan juga untuk membeli tanah dan harta² yang boleh menambahkan keuntongan dan menambahkan perolehan mata pencharian mereka. Kebanyakan sharikat² di-kampung tiada cukup modal untuk melaksanakan kehendak² mereka itu, dengan sebab itu mustahak Kementerian ini berikhtiar mengadakan suatu kumpulan wang untuk di-beri pinjaman kepada sharikat² itu dan kalau mustahak kepada Bank Dunia sa-kali pun harus di-ikhtiarkan.

Kalau dalam hal kemajuan yang lain², sa-umpama Kemajuan Luar Bandar yang Kerajaan dapat menchurahkan bermilion² ringgit pada sa-tahun dan wang itu hangus tiada dapat lagi berganti, maka apa-kah salah-nya jika Kerajaan memberi pertolongan kepada Sharikat² Kerjasama itu, dan pertolongan itu hanya-lah sa-bagai pinjaman sahaja yang mana wang itu tiada akan hilang dan akan di-bayar kembali. Sunggoh pun sharikat² ini telah mengadakan kumpulan wang sama mereka dengan menubuhkan Bank² Sharikat, tetapi Bank² ini juga tiada cukup modal, yang pada akhirnya dalam sharikat itu menjadi tempat

bertengkar dan kata-mengata di-sebabkan minta pinjaman tiada dapat dan sa-terus-nya sharikat itu berkubor, dan jika ada yang dapat bergerak sedikit² pun jarang benar mendapat hasil yang sa-penoh²-nya saperti yang di-kehendaki.

Saya dapat mengemukakan suatu chontoh pertolongan Kerajaan yang berjaya di-negeri Kedah ia-itu ada suatu badan kumpulan wang Kerajaan yang di-panggil Lembaga Penanam Padi Kedah. Wang kumpulan Lembaga ini asal-nya pemberian dari Kerajaan Persekutuan juga yang berjumlah kalau saya ta' salah \$2½ juta ia-itu pertolongan kapada petani² Kedah yang telah tiada mendapat hasil padi pada tahun 1953-1954 di-sebabkan kemarau yang kuat. Pada mula-nya wang itu boleh-lah diberi terus kapada tiap² orang kaum tani itu, tetapi dengan bijak Kerajaan Kedah pada masa itu maka wang itu di-jadikan kumpulan wang pinjaman kapada petani² itu sendiri untuk menambahkan harta mereka, maka sahingga sekarang ini Lembaga ini sedang berjalan dengan maju-nya dan dapat menebus segala tanah kaum² tani yang tergadai dan juga telah berjaya membeli tambah tanah² sawah dan kebun² getah untuk petani² itu sendiri ia-itu di-sebabkan kumpulan wang mereka itu men-chukupi untuk maksud ahli²-nya.

Maka dengan chontoh ini jika Kementerian Kerjasama ini dapat berikhtiar mendapatkan pinjaman dari luar saperti yang saya sebutkan tadi tentulah segala sharikat² kerjasama di-kampong² dapat berjalan dengan maju-nya dan taraf hidup ahli² sharikat itu akan bertambah baik dari sa-masa ka-samasa.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan pegawai², mustahak sa-kali pegawai² dari kaum wanita di-tambah kerana pada masa ini di-kampong², kaum ibu-lah yang mudah sa-kali di-seru supaya menubuhkan sharikat² kerjasama dan mereka ini memang telah ada tabiat sa-mula jadi tentang chermat jimat itu. Saya dapat tahu Yang Berhormat Menteri yang baharu ini selalu menyeru kapada kaum² itu supaya jangan memakai barang² emas banyak, sabalek-nya wang² yang telah di-untokkan hendak membeli emas itu hendak-lah

di-simpan dalam sharikat kerjasama atau membeli sher² perniagaan. Maka bagi menyenangkan kaum² ibu hendak menyimpan wang itu mustahak-lah sharikat² itu di-tubuhkan dari kalangan² kaum ibu itu sendiri dengan sebab² itu pegawai² penerangan yang menyeru hal kerjasama ini mustahak-lah diperbanyakkan dari pegawai² kaum ibu.

Sa-lain daripada itu saya suka menarek perhatian Kementerian ini berkenaan dengan Jabatan Haiwan, dalam kawasan saya amat payah mendapat kawasan menternak kerbau lembu dengan kerana itu mustahak kementerian ini berikhtiar dengan Kerajaan Negeri Kedah supaya dapat membuka tanah² hutan simpanan yang di-untokkan kapada kayu kayan itu di-buka dimana² kawasan yang tiada sa-suai untuk kayu itu di-jadikan kawasan menternak kerbau lembu. Maka dengan tiada kawasan² yang khas itu selalu terdapat lembu kerbau merayau di-jalan² raya dan dalam ladang² getah dan kadang² termakan rachun rumput di-ladang² getah orang² Eropah dan China menyebabkan berpuloh ekor lembu dan kerbau telah kematian.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan dalam Dewan ini tentang kekeliruan yang telah di-perbuat oleh pemberita akhbar *Utusan Melayu*. Pada 7 dan 8 haribulan kelmarin ia-itu mengatakan saya telah beruchap berkenaan dengan hal bekas² S.C. ia-itu mengatakan bekas² S.C. itu tiada boleh hidup dengan mengusahakan tanah², tetapi mereka boleh menchari kehidupan dengan menggunakan senapang². Bahawa saya tiada-lah bertanggung-jawab di-atas kenyataan ini kerana yang sa-benar-nya saya tiada mengambil bahagian berchakap pada hari yang di-sebutkan itu dan ucapan itu kebetulan-nya telah di-buat oleh saudara saya dari Sungei Petani. Saya harap pemberita akhbar *Utusan Melayu* dalam Dewan ini dapat membetulkan sa-mula hal ini, saya perchaya itu bukan-lah kesilapan yang sengaja di-buat. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Too Joon Hing (Telok Anson): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Subhead 1, section III,

sub-section (iii), page 46, regarding the Research Branch. I have brought to the notice of the Ministry concerning the orange growing in the various Districts around Telok Anson during the last Budget Session. The Member for Kuala Langat, the former Minister of Agriculture, was very kind enough to meet the growers of the orange plantations and held an on-the-spot investigation on the 12th February this year. He visited Sungei Suli, Kampong Pasir Bertamar and also Kampong Selabak. Sir, I have here a copy of the *Siaran Akhbar* dated 12th February, 1962. It gives a full report of the visit of the former Minister of Agriculture to this area, and I would like to quote extracts from this report which says:

"Enche' Abdul Aziz said the problem was a very complicated one, although experts from his Ministry had been aware of the conditions for some time. His Ministry had been very concerned over the spread of this disease since five years ago, but had not been able to control it.

'Perhaps you brought it among yourselves due to ignorance. The disease has spread widely and drastic steps will be taken by the Ministry with your co-operation', said Enche' Abdul Aziz."

He further said:

"The first step now was to prevent its further spread to other parts of the Federation. The farmers should not export their planting materials to other areas.

The Government would find ways and means to help them grow other fruits. In order to prevent the spread of the disease, the farmers must be prepared to make some sacrifice."

Sir, in view of this assurance, I would like the present Minister to enlighten us, particularly the orange growers, in regard to three points concerning the orange growing venture down Telok Anson. The first point is: what effective measures or preventive steps has the Ministry's Research Branch taken to eradicate this dreadful disease which, if allowed to remain and unchecked, will eventually destroy the orange growing industry, which hitherto has brought a good and a steady income to these people? The second point is that if no effective measures are found, would the Government take immediate action to help the growers to grow other fruits under the rural

development schemes? The third point is whether the Ministry would help and recommend these growers in planting rubber, a request which the orange growers have made to the former Minister while he was there visiting them. Sir, this destructive disease, called the Gummosis, has spread havoc over three thousand acres of orange plantations around Telok Anson. Every year thousands of orange plants are being destroyed by it, and it has caused the growers not only great loss of revenue but also has wasted their valuable labour. Sir, I hope the Minister will give some kind of assurance that immediate action will be taken to assist the growers either to plant other fruits or plant rubber holdings.

Sir, the next point I would like to touch is in regard to subhead 1, section IV, Drainage and Irrigation, page 48. I would like, again, to quote from the report which I mentioned just now, in which the former Minister of Agriculture is reported to have visited Kampong Selabak, and it says:

"The Minister visited Kampong Selabak where 500 acres of smallholdings are subject to frequent flooding.

The Minister will consult his top D.I.D. Engineer to work with the management of Selabak Estate in solving the problem."

Sir, I was down to Kampong Selabak two or three weeks ago, and the D.I.D. has so far, I presume, put up a pole in this area to indicate some action has been taken, and this was done some months back. Up to now, no further action, or work of any kind, has been taken to remedy the flooding of these 500 acres of smallholdings. I have indicated during the last Budget meeting that the cost of checking the flood would not be very much and that it could be done either by building or constructing a bund or by deepening or widening the drains around that area; and this would help to increase the revenue of the kampong people by about 30 per cent per annum. Therefore, Sir, I hope the Minister will direct the D.I.D. to take immediate action in order to assist these people to increase their yearly income. That is all, Sir.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya sa-pendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Baling yang mencheritakan bagaimana mustahak-nya kedudokan Sharikat Kerjasama didalam negeri ini di-perbetulkan dan di-majukan pada masa akan datang. Pernah saya bayangkan di-dalam Rumah yang mulia ini bahawa Rancangan² Pembangunan Luar Bandar yang di-ulu² dengan merupakan jambatan, titi dan sa-bagai-nya sa-mata² belum-lah lagi dapat benar² menjamin kehidupan orang² di-kampong, kechuali kalau pehak Kerajaan dapat mengadakan satu projek yang merupakan perekonomian yang tegoh bagi menjamin kedudokan ra'ayat-nya. Sharikat Kerjasama ada-lah satu saluran yang terang dan tegas untok menjadi satu alat yang penting bagi menjamin ketegohan perekonomian ra'ayat dalam negeri ini. Dan saya sa-pendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Baling, kalau sa-kira-nya pehak Kerajaan dapat sediakan peruntokan wang pembangunan luar bandar dengan berjuta² ringgit, sa-bahagian besar daripada peruntokan itu ada-lah perbelanjaan hangus-nya tidak dapat lagi di-ambil balek oleh Kerajaan; sedangkan wang itu sa-bahagian besar-nya ia-lah wang pinjaman dari luar negeri. Maka sangat-lah menasabah kalau pehak Kementerian ini dapat mengadakan satu dasar bahawa melalui Sharikat Kerjasama ini sa-bahagian besar wang pinjaman luar negeri itu akan dapat membangunkan perekonomian ra'ayat melalui Sharikat Kerjasama yang wang itu tidak-lah akan menjadi wang hangus; wang itu akan dapat kembali kapada Kerajaan dan dapat di-bayar balek untong² wang pinjaman dari luar negeri itu manakala perjalanan Sharikat Kerjasama tadi berjalan dengan baik dan dapat keuntungan dengan baik.

Di-Kelantan, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang patut sangat mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri ia-lah berkenaan dengan padi saperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun bahawa hasil padi tiap² tahun dari negeri Kelantan ada-lah

mendapat kelebihan daripada keperluan yang sa-patut-nya dapat digunakan bagi negeri itu sendiri.

Ini ada-lah satu chontoh yang baik bahawa kemajuan dari segi persediaan baharu bahan² makanan bertambah banyak dari masa ka-masa. Kita pernah merasa kekurangan beras yang hebat waktu berlaku-nya perang dunia yang kedua manakala bahan² makanan berkurangan dan ra'ayat telah menderita—sa-hebat²-nya menderita kelaparan. Jadi, satu masalah yang patut di-perhatikan ia-lah chara² pemasaran bagi padi² itu. Di-negeri Kelantan, Tuan Pengerusi, hanya dua sumbar sahaja yang menjadi tempat ra'ayat itu menjual padi-nya, yang pertama ia-lah saudagar² yang ada kilang padi-nya sendiri dan saudagar² di-kalangan bangsa orang² yang bukan Melayu. Yang kedua baharu² ini telah di-dirikan sa-buah kilang padi yang besar bagi Sharikat Kerjasama. Ini sahaja-lah dua saluran tempat ra'ayat ini menjual padi²-nya, oleh kerana saluran ini terlalu sedikit dan persediaan bagi kedua saloran² itu untok menerima padi² yang banyak yang dapat di-kelolakan oleh ra'ayat sampai berpuluh² juta gantang pada saat-tahun itu dapat di-layani dengan chukup-nya dan menyebabkan harga padi turun. Boleh-lah saya tegaskan dalam Rumah ini bahawa harga padi di-negeri Kelantan tidak sa-imbang dengan harga padi yang telah di-tetapkan oleh pehak Kerajaan sendiri. Pada tahun yang lalu pernah saya kemukakan dalam Dewan ini bahawa sangat-lah mustahak di-negeri Kelantan itu Kerajaan mengadakan suatu ikhtiar sama ada dengan mengadakan suatu *store* bagi menyimpan padi, dan memberi bantuan yang chukup dengan Sharikat Kerjasama, kilang padi di-seluruh negeri Kelantan di-beri modal untok membeli padi² daripada negeri² Kelantan itu yang dapat di-keluarkan pada tiap² tahun, atau pun pehak Kerajaan sendiri mengadakan satu pasaran, ya'ani Kerajaan membeli-nya sendiri padi itu, dan Kerajaan mengadakan kilang-nya sendiri bagi mengilangkan padi² itu, dan akhir-nya menguruskan segala²nya sa-bagaimana yang di-lakukan oleh Kerajaan di-satengah² negeri lain. Hanya dengan chara yang demikian

sahaja-lah, Tuan Pengerusi, ra'ayat bertanam padi di-mana akan dapat merasa sedikit sa-banyak kenaikan harga padi sa-kurang²-nya sa-taraf dengan tingkat harga yang di-tentukan oleh pihak Kerajaan. Kejatuhan harga padi itu dapat-lah saya bayangkan bahawa saudara² pembeli beras negeri Kelantan sekarang ini kalau pergi ka-market dapat membeli sa-gantang beras tidak lebih dari \$1.20 dan \$1.30 sa-gantang, ini dapat-lah kita bandingkan sendiri berapa harga tiap² gantang padi itu manakala di-nilai dengan harga beras yang begitu jatuh dan begitu rendah. Memang, Tuan Pengerusi, bagi orang² yang tidak bertanam padi harga beras yang murah itu ada-lah merupakan satu zaman yang ma'amur, dan ne'mat besar bagi pembeli² beras untuk makanan hari². Tetapi jangan kita lupa bahawa hampir lebih daripada sa-paroh penduduk² negeri ini ada-lah kaum tani yang bekerja menanam padi dan sa-bagainya. Jadi kesenangan di-dapati dengan murah harga beras dapat di-rasai oleh beberapa gelintir manusia, sedangkan sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini merasakan kesempitan oleh kejatuhan harga yang demikian. Jadi, ini-lah satu perkara pihak Menteri itu benar² dapat mengambil perhatian dalam masa yang singkat menchapai ikhtiar salah satu daripada kedua jalan sama ada Kementerian ini menolong Sharikat Kerjasama, menolong kilang padi di-negeri Kelantan dengan modal, dan mengadakan satu store atau pun pihak Kerajaan sendiri membeli padi itu.

Sa-lain daripada itu tertarik hati saya juga ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Baling telah mencheritakan bagaimana sulit-nya berternak lembu dan kerbau untuk menchari tempat² makanan lembu² itu manakala sampai musim padi. Ada-lah ini saya rasa dapat-lah saya nyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang dahulunya telah menganjorkan bersungguh² di-Pantai Timor supaya ra'ayat mengambil berat dalam hal tanam rumput stylo. Ini-lah satu makanan² lembu-kerbau yang baik dan dapat menjadikan lembu-kerbau itu lebih subur dan

sehat dan lebih baik daripada biasa. Dengan ada-nya usaha² dan ikhtiar rumput silo yang berjalan di-negeri Kelantan, maka masalah makanan lembu dan kerbau di-musim padi tidak-lah menjadi masalah yang berat sangat. Sungguh pun kita tahu di-negeri Kelantan maseh ada kawasan² yang di-reservekan untuk lembu dan kerbau, tetapi sa-bahagian besar kawasan itu bukan-lah dapat di-gunakan berluas² oleh ra'ayat, oleh kerana sa-tengah daripada kawasan² itu sudah tidak tumbuh lagi dengan rumput. Jadi dengan ada-nya ikhtiar menanam rumput silo di-mana sahaja kaum tani ada sa-dikit sa-banyak suku ekar tanah yang kosong di-rumah, di-tanamkan rumput silo itu. Satu ekar rumput silo ini boleh di-makan beberapa ekor lembu dalam masa menunggu padi di-tuai atau di-potong. Hal ini saya perchaya pihak Kementerian sekarang ini akan dapat menyambong usaha-nya sa-hingga ranchangan menanam rumput silo itu akan dapat berjalan di-seluruh Persekutuan ini. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, masalah Jabatan Haiwan, saya suka-lah sedikit menyentuh tentang pembahagian lembu, kerbau dan kambing biri² dan sa-bagai-nya kepada ra'ayat. Saya sentuhkan dalam ucapan dasar baharu² ini, tetapi nampak-nya pihak Menteri tidak memberi jawapan, saya suka-lah mengulangkan sedikit mudah²an dapat-lah perhatian dari pihak Yang Berhormat Menteri. Telah dua tahun lebih kurang ranchangan² Pembangunan Luar Bandar yang berupa pembahagian lembu dan kerbau, ayam, kambing dan sa-bagainya berjalan dengan baik. Di-negeri Kelantan dalam tahun 1962 hampir \$400,000 peruntukan kerana itu berjalan dengan baik, akan tetapi apa yang saya dapat tahu bahawa ranchangan itu akan di-berhentikan mulai tahun 1963 ini, mengikut kenyataan ini bukan sahaja negeri Kelantan akan di-berhentikan, tetapi di-seluruh Persekutuan akan di-berhentikan. Di-negeri Kelantan apa yang saya tahu, dalam tahun ini akan mendapat sa-banyak \$60,000 kerana pembelian lembu kepada ra'ayat. Alasan ada-lah konon-nya oleh kerana pihak Kementerian hendak mengkaji lebih dahulu

sama ada ranchangan yang berjalan itu berhasil, memberi faedah atau pun tidak. Ini-lah yang saya bangkitkan dalam Rumah yang molek ini dan sangat-lah menjadi hairan dan tanda tanya dari saya sendiri sa-sudah berjalan dua tahun maka ranchangan itu hendak di-kaji dan kajian itu pula memakan tempoh sa-tahun; sedangkan perkara itu telah masuk ranchangan keseluruhan-nya ia-itu Ranchangan Lima Tahun dan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Jadi kalau sa-kira-nya sa-lama sa-tahun hendak di-kaji erti-nya satu per lima daripada maksud ranchangan itu terpaksa berhenti, atau sa-kurang²-nya tergenchat daripada menyebabkan kejayaan sa-paroh Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua tidak berhasil dengan sa-penoh-nya. Tidak-lah saya tahu sama ada alasan mengkaji itu benar atau tidak, sa-hingga Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan dalam Rumah yang mulia ini.

Sa-perkara lagi yang saya mendapat tahu bahawa timbul-nya hendak mengkaji atas perkara itu bukan dari pehak Menteri, tetapi konon-nya timbul dari pegawai² haiwan—Jabatan Negeri diseluruh Persekutuan. Benar atau tidak, saya tidak tahu, dan kenapa pegawai itu di-berikan perkara yang sademikian, jikalau tidak kerana hendak mengkaji, maka apa-kah alasan-nya yang sa-benar yang menyebabkan ranchangan ini hendak di-berhentikan, atau pun di-negeri Kelantan sahaja yang hendak di-potong. Ini pun saya tidak mengetahui sa-hingga Yang Berhormat Menteri yang baharu ini dapat menjelaskan-nya.

Enche' Yahya bin Haji Ahmad (Bagan Datoh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengalu²kan ucapan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama pada hari kelmari yang mana beliau telah mengatakan berkenaan dengan ranchangan menanam sa-mula dan memulehkan kebun² kechil kelapa yang akan di-adakan pada tahun hadapan ini. Dengan pengumuman dalam Rumah yang berbahagia ini, saya yakin dan perchaya bahawa tiap² pekebun kechil kelapa yang ada di-

sakitar tanah ayer kita ini akan merasa gembira yang mana hal ini menjadi satu soal dan pertanyaan, bila-kah Kerajaan akan melancarkan pergerakan itu? Walau pun bagitu mereka maseh ragu² lagi manakala mereka telah membacha berita dalam akhbar² beberapa minggu yang lampau mengatakan bahawa Menteri yang berkenaan menyatakan pergerakan menanam sa-mula dan memulehkan kebun² kechil kelapa itu hanya dapat di-mulakan dalam negeri Johor sahaja. Jikalau berita ini benar, alang-kah kechiwa-nya perasaan pekebun² kechil dalam beberapa buah negeri, kechuali pekebun² kechil negeri Johor sahaja. Saya harap berita itu tidak benar, dan saya perchaya Menteri yang berkenaan tidak akan melupakan pekebun² kechil negeri² lain termasuk negeri Kedah sendiri.

Saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan dan mengeshorkan supaya perlaksanaan menanam dan memulehkan pekebun² kechil kelapa itu di-jalankan dengan tidak mengira negeri mana dahulu dan negeri mana yang kemudian, tetapi hendak-lah masalah menanam sa-mula ini di-dasarkan sama keadaan-nya pada tiap² negeri yang ada pekebun² kechil. Dalam kawasan saya, ada yang telah di-tanam dalam tahun 1910 lagi yang mana boleh di-katakan mesti-lah di-tanam sa-mula dalam tahun hadapan yang ta' berapa lama lagi akan munchol itu. Saya sangat-lah berharap kepada Menteri yang berkenaan akan mendasarkan perlaksanaan menanam sa-mula pada memulehkan pekebun² kechil kelapa daripada pokok² kelapa yang sa-benar-nya telah banyak tumbuh itu.

Tuan Pengerusi, saya sekarang hendak berchakap berkenaan dengan item (100)—Soils Scientists, muka 46. Pada tahun yang lepas saya telah berchakap dalam Dewan ini tentang perkara ini juga, dan sekarang biar-lah saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri ini supaya beliau dapat mengambil perhatian kepada lebeh kurang 7,000 ekar tanah dalam kawasan saya—Bagan Datoh yang sedang di-sukat dan apabila siap akan di-beri kepada ra'ayat yang mana saya

berharap supaya keadaan tanah dalam kawasan yang akan di-buka itu dapat di-siasat keadaan tanah-nya sa-mula untuk di-tanam getah dengan kelapa bali atau koko atau lain² tanaman yang akan menambahkan kema'muran bagi kehidupan penduduk² tempatan dalam kawasan Bagan Datoh itu.

Saya terlampau ingin sangat menyambut seruan Menteri Pembangunan Luar Bandar yang ingin melihat ra'ayat jelata pada masa akan datang supaya boleh mendapat taraf penghidupan sakurang²-nya \$300 sa-bulan, tetapi seruan itu tidak dapat di-laksanakan dengan sempurna, melainkan dengan ikhtiar yang boleh di-dapati ia-lah dengan kerjasama Kementerian yang berkenaan dan pegawai² Kerajaan di-daerah² yang berkenaan. Saya rasa ini akan mendapat kejayaan apabila kerjasama dari pehak yang berkenaan dapat di-selenggarakan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Veterinary Division, muka 50. Nampak-nya peruntukan pada tahun ini ada lebeh daripada tahun lepas yang mana dalam kawasan saya pada tahun 1962 mendapat peruntukan beratus² ekor lembu, beratus² ekor kambing yang telah di-beri kepada penduduk² yang telah membuat permohonan. Semua pegawai² haiwan di-daerah saya ada memberi kerjasama-nya, maka pemberian itu dapat di-laksanakan dengan lancar oleh pegawai² dan kaki-tangan-nya, saya ucapkan terima kaseh dan saya harap peruntukan pada tahun hadapan dapat di-gandakan lagi.

Tuan Pengerusi, dengan sebab saya sa-orang daripada Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar Hilir Perak, saya ingin hendak menceritakan tentang kawasan Teluk Anson ia-itu wakil dari Teluk Anson telah menyatakan dalam Dewan ini beberapa hari yang lampau untuk membawa tuduhan dalam kawasan-nya yang tidak mendapat peruntukan ternakan, umpama-nya kambing, ayam dan lain². Saya suka-lah memberitahu-nya ia-itu tempat itu berhampiran dengan kampung yang—di-hadapan pejabat-nya sendiri telah pun mendapat peruntukan kambing dan ayam, dan saya harap beliau sa-belum

membawa apa² tuduhan, hendak-lah beliau berjumpa terlebih dahulu kepada Pengerusi Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar supaya tidak mengelirukan dalam Dewan ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, telah panjang cerita dalam hal Kementerian ini dan sudah tiga hari perbahathan telah di-jalankan, dan rasa saya sudah berpuluh² dan beratus² perkara yang hendak di-jawab oleh Menteri, tetapi walau bagaimana pun perbahathan ini hanya di-sekitar beberapa perkara sahaja yang boleh dengan mudah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama kita ia-itu di-antara lain² perbahathan ini berkisar di-sekitar sharikat kerjasama. Bagi saya sendiri hendak berchakap dalam perkara ini pun berkisar kepada sekitar sharikat kerjasama. Saperti mana pernah saya katakan dahulu dalam Dewan ini bahawa gerakan sharikat kerjasama ada-lah satu²-nya sahaja jalan bagi menyelamatkan ra'ayat negeri ini daripada penindasan kaum capitalist dan hanya dengan kegiatan yang sunggoh² daripada sharikat kerjasama ini sahaja, dapat memberi peluang² yang baik kepada ra'ayat negeri ini, terutama kaum tani dalam membetulkan dan meninggikan taraf penghidupan ra'ayat pada masa akan datang dengan terbuka-nya satu peluang dengan nama Ranchangan Kemajuan Luar Bandar. Banyak-lah sudah kita mendengar bahawa Ranchangan Kemajuan Luar Bandar ini bagi pehak² orang yang tidak meminta mengatakan bahawa ranchangan ini tidak berfaedah, ta' ada guna-nya membuat jalan untuk ra'ayat di-kampong², ta' ada guna-nya memberi kerbau, itek, ayam, lembu dan sa-umpama-nya itu yang semua-nya ini tidak berguna. Tetapi, Tuan Pengerusi, walau bagaimana pun perchakapan yang di-limparkan kepada kita itu, kita sekarang dalam zaman keadaan mem-bena, dan kita sa-buah negeri yang memberi kebebasan kepada pemodal² dalam negeri ini maka terpaksa-lah sharikat kerjasama ini mengadakan perlawanan yang hibat dengan kaum pemodal, dan hanya satu jalan sahaja yang boleh menyelamatkan sharikat

kerjasama ini ia-itu memberi sa-banyak penerangan² kepada ra'ayat di-kampong² akan faedah² yang akan diperolehi oleh mereka itu kalau sa-kiranya kita hendakkan sharikat kerjasama ini di-perluaskan dan di-perhibatkan.

Kita telah mendengar ucapan Yang Berhormat dari Pasir Puteh sebentar tadi yang mengatakan bahawa negeri Kelantan mendapat hasil padi yang berlipat ganda banyak-nya daripada masa² yang sudah. Ini bukan-lah boleh kita katakan sa-mata² pemberian dari Allah Ta'ala sahaja dengan tidak berikhtiar. Penambahan rezki atau penambahan padi berlipat ganda sa-lain daripada pemberian Allah, ada-lah juga hasil dan kerja yang berlipat ganda daripada petani², dan bukan sahaja kerja yang berlipat ganda, tetapi mereka perolehi kemudahan² yang lain. Kalau di-masa² yang silam kita dapati padi itu tidak bertambah ia-lah disebabkan kerana kemudahan² bagi mengerjakan sawah padi itu tidak ada, tetapi pada masa sekarang ini dengan ada-nya Ranchangan Kemajuan Luar Bandar, kita telah mengadakan kemudahan kepada kaum tani seperti mengadakan taliayer (irrigation) yang baharu, yang mana padi dapat di-tanam dua kali sa-tahun, dan hasil padi telah bertambah. Manakala hasil padi telah bertambah, dan orang yang hendak menggunakan padi itu tidak banyak, maka dengan sendiri-nya tentu-lah harga padi itu akan jatuh. Harga padi ini jatuh bukan sahaja disebabkan oleh padi banyak, tetapi perlawanan beras dari negeri Siam yang masuk ka-negeri Kelantan dengan chara penyeludupan dan dengan chara tidak penyeludupan. Negeri Siam terkenal banyak mengeluarkan beras dan beras-nya baik, maka beras yang masuk dari Siam ka-Kelantan itu ada-lah berlawanan dengan beras yang ada dalam negeri Kelantan itu sendiri, dan ini menyebabkan harga padi itu jatuh. Benar, ini menyenangkan ra'ayat dalam negeri itu kerana dapat membeli beras dengan harga yang murah dan kehidupan-nya lumayan, tetapi apa-kah akibat kepada mereka yang telah menanam padi dua kali sa-tahun dengan harga yang murah itu? Mereka akan berkata, lebeh baik saya menanam padi sa-tahun sa-kali

walau-pun padi kurang, tetapi bila padi kurang, harga-nya naik. Apa guna saya menanam dua kali sa-tahun? Sunggoh pun padi banyak, tetapi harga-nya kurang. Oleh itu, saya berpendapat bagi mengatasi soal ini, Yang Berhormat Menteri Pertanian patut-lah membuat satu undang² untuk menyekat kemasokan beras² haram dari luar negeri yang menekan penambahan hasil yang telah di-keluarkan oleh kaum tani, bukan sahaja kaum tani di-Kelantan, tetapi negeri yang berdekatan dengan negeri Siam seperti negeri Kedah. Negeri Kedah juga tidak akan terlepas daripada masaalalah ini. Tambahan pula sekarang ini kita mempunyai ranchangan. Kalau boleh kita menambah hasil padi itu sa-beberapa banyak yang mungkin dengan kita mengadakan taliayer yang baharu supaya dapat di-tanam dua kali sa-tahun. Mereka yang menanam padi dua kali sa-tahun yang kita telah galakkan itu tidak akan berfaedah, kalau harga padi tidak di-kawal. Yang Berhormat Menteri Pertanian tentu-lah lebeh tahu dalam soal perdagangan dan perusahaan ini, sebab beliau telah memegang jawatan Menteri Perusahaan dan Perdagangan. Ini-lah yang menjadi soal kepada saya sekarang. Kalau sa-kira-nya sharikat bekerjasama ini dapat menumpukan tenaga dan usaha-nya dengan sa-benar²-nya dan memberi penerangan yang sa-luas²-nya, dan tidak sa-kadar "hendak melepaskan batok di-tangga."

Saya perhatikan kebanyakan Pegawai Sharikat Bekerjasama ini belum banyak pengalaman dalam hal ini. Saya dapati apabila mereka itu masuk ka-kampong mengatakan: "Elok-lah kita mengadakan sharikat bekerjasama ia-itu sharikat pinjam-meminjam. Kalau tuan² tidak ada wang boleh-lah pinjam kepada sharikat itu." Jadi, kalau itu sahaja-lah untuk menarek orang kampong supaya masuk sharikat bekerjasama, dan, mithal-nya, kalau anak-nya hendak kahwin boleh pinjam wang kepada sharikat, kemudian ta' boleh bayar, saya fikir, akhir-nya sharikat bekerjasama itu akan mati. Tetapi chuba-lah kita membuat satu ikhtiar baharu bagaimana kita hendak membela nasib mereka yang di-kampong² itu.

Dua hari yang sudah kita telah mendengar ia-itu satu sharikat bekerja sama telah membeli ladang getah di-Tanah Melayu ini hanya dengan modal \$10 sahaja sa-bulan. Mereka sekarang ini telah menyimpan sa-banyak \$6 juta. Mereka ini agak-nya telah di-beri penerangan akan faedah-nya menyimpan \$10 sa-bulan itu. Kalau sharikat ini mempunyai matlamat (target) yang besar ia-itu hendak menjadikan semua sa-kali ladang (estate) yang di-punyai oleh kaum modal sekarang ini milik ra'ayat—bukan menjadi hak milik negara sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Socialist Front—hanya dengan menyimpan \$10 sa-bulan. Maka alangkah baik-nya, kalau sharikat bekerjasama ini menumpukan kerja-nya kearah, bukan sahaja menchari jalan menambahkan hasil, tetapi juga menyediakan persediaan² bagi membeli semua ladang yang ada dalam negeri ini yang di-punyai oleh bangsa asing, yang kita fikir mereka itu hendak jual. Tetapi kalau sa-kira-nya sharikat bekerjasama petani itu tidak dapat galakan yang sempurna dan pandangan yang utama daripada pegawai itu, tentu-lah sharikat itu hanya sa-kadar tempat meminjam sa-mata², dan ada yang telah mati sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Jadi yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian ini sa-lain daripada beras satu sungutan daripada kemasukan barang² dari luar negeri, kita sekarang juga di-kampung² dapat jalan² raya yang baik. Apa dia jalan² raya yang saya nampak Pembangunan Luar Bandar bidang kerja-nya membuat atau membuka jalan² raya untuk ka-kampung². Di-dalam pembukaan jalan² raya ini orang² kampung itu boleh-lah kita katakan belum dapat melihat apa-kah yang akan berlaku dengan jalan yang di-buat pada 10 atau 20 tahun akan datang-nya dia tidak dapat menengok-nya, tetapi kaum² capitalist atau pun orang² yang nampak bahawa jalan itu berguna dan mereka berusaha sa-daya upaya seperti sharikat² bas yang ada dalam kawasan² itu sedia berusaha supaya jalan baharu yang di-buka oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dapat di-bolot oleh sharikat² yang sedia ada itu. Pada pendapat

saya, kalau-lah sharikat² bas atau kenderaan di-berikan peluang ini kepada mereka maka akan menolong orang² kampung itu daripada apa yang kita hajatkan supaya mereka itu dapat taraf hidup yang baik.

Chara yang lebeh menasabah, pada fahaman saya ia-itu pegawai² Sharikat Kerjasama ini di-samping pembukaan jalan raya baharu, pembukaan tanah baharu dan pembukaan apa juga yang baharu di-dalam daerah atau kawasan itu, pegawai Sharikat Kerjasama ini hendak-lah dia memberi pandangan² yang luas kepada orang² kampung dengan mengatakan kalau tuan² tidak mengambil bahagian di-dalam Sharikat Kerjasama bagi kenderaan yang ada di-kampung tuan² itu, maka Sharikat² Kerjasama yang lain akan mengambil keuntungan di-atas kampung tuan sendiri dan ini bererti bahawa tuan akan mengikut sahaja; sedangkan rasa-nya tuan tidak dapat. Jadi sa-kira-nya pegawai Sharikat Kerjasama dapat memberikan kursus atau pun penerangan dengan sa-luas²-nya kepada ra'ayat di-kampung² maka saya yakin, jalan yang di-bena oleh Kerajaan itu atau apa juga yang di-buat oleh Kerajaan itu tidak-lah akan di-tudoh orang sia² sahaja. Walau pun kita tahu bahawa Kerajaan ini tidak-lah sampai nasi dan gulai yang telah sedia di-pinggir itu sampai hendak di-tuangkan ka-mulut ra'ayat, tentu-lah tidak sampai begitu! Tidak ada sa-buah negeri pun dalam dunia ini menyuapkan ra'ayat-nya; macham sa-orang bapa menyuap anak-nya dengan pisang. Tetapi bagi kita sendiri hendak-lah kita gunakan di-kampung seperti pembenaan atau pembangunan² yang baharu; Sharikat Kerjasama ini-lah yang patut dapat mengambil tempat yang utama sa-kali di-dalam pembangunan. Jadi sedikit demi sedikit dapat-lah faedah² yang banyak itu di-rasai oleh ra'ayat; walau pun dua tiga hari yang sudah kita telah dengar bahawa Sharikat Kerjasama di-Persekutuan Tanah Melayu ini tidak memberi keuntungan. Tetapi walau pun Sharikat Kerjasama pada umum-nya baik di-Persekutuan Tanah Melayu mahu pun di-seluruh dunia ini mempunyai asal usul yang sama—tujuan-nya satu dan matlamat yang satu

ia-itu untuk memberikan keuntungan yang banyak kepada ahli² sharikat yang terdiri daripada ra'ayat jelata. Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya memandang patut-lah juga segala kemudahan² yang ada sekarang ini dapat Yang Berhormat Menteri memberikan arahan yang sa-kuat²-nya kepada pegawai² Sharikat Kerjasama di-sa-barang pembangunan yang baharu di-buat dapat-lah di-lahirkan oleh Sharikat Kerjasama.

Kita pernah mendapat sungutan daripada orang yang kata-nya tanah yang baharu di-buka atau pisang yang banyak, ubi yang banyak dan macham² lagi banyak, tetapi harga-nya kurang. Ini tidak dapat di-elakkan—tiap² benda yang banyak, orang muak-lah dan berlonggok-lah dengan sendiri-nya; harga-nya pun murah. Tetapi dengan ada-nya Sharikat Kerjasama ini maka dapat-lah sharikat ini menyelamatkan daripada barang² itu busok.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan kemajuan ra'ayat di-kampung² ini dari segi pertanian, saya nampak tadi kita telah mencheritakan bahawa sebab kelebihan padi itu ialah oleh kerana di-kerjakan dua kali sa-tahun. Tetapi maseh ada tempat² yang boleh dapat di-kerjakan dua kali sa-tahun dan jumlah-nya tentu-lah lebeh banyak daripada sawah² yang ditanam padi dua kali sa-tahun. Di-beberapa tempat termasuk-lah di-dalam kawasan saya banyak tempat² yang pada waktu terendam oleh kerana bah, bukan kerana tanah itu rendah, tetapi oleh kerana ayer sungai yang berhampiran dengan sawah padi itu kualanya tidak berseh dan sungai itu tersekat dengan berbagai² pokok yang menyekat kelancaran ayer ini melimpah masuk ka-ladang² ra'ayat dan tidak dapat di-jalankan bagi menanam padi dua kali sa-tahun. Oleh yang demikian, saya minta perkara ini di-perhatikan ya'ani soal² yang saya sebutkan tadi terutama sa-kali ia-lah sungai² kechil yang menyekat jalan² ayer di-satu² tempat yang tidak dapat di-ayeri tempat itu; hanya menanti rahim Allah Ta'ala, turun-lah hujan baharu-lah padi dapat di-tanam. Kalau sa-kira-nya hal ini berlanjutan tentu-lah padi itu atau sawah yang banyak

itu tidak akan mendatangkan apa² guna kepada mereka itu.

Di-dalam kawasan saya ra'ayat mempunyai banyak tanah padi tetapi tidak dapat ayer sa-hingga berpuluh² ekar. Orang² kampung itu sendiri mengambil fikiran baharu sama ada dapat di-tanamkan atau tidak di-tanam dengan getah. Bila di-tanam getah di-atas tanah padi yang tidak ada ayer itu, bukan sahaja salah pada peratoran² tanah yang di-tanam dengan getah itu, tetapi ia-nya dapat merosakkan bukan sahaja merosakkan tanaman padi yang bersempadan dengan tanaman getah dan menyebabkan padi itu tidak subur. Sebab itu, saya rasa tanah² yang terlalu banyak ekar-nya patut-lah di-selideki sekarang dan patut di-baiki supaya hal² yang saya katakan itu bukan sahaja dapat di-atasi, tetapi semua tanah yang di-punya² oleh ra'ayat itu dapat di-gunakan. Bila semua ini telah berlaku erti-nya ranchangan² pertanian ini berlaku, umpama-nya negeri² yang telah maju di-dalam pertanian ini bukan sahaja lagi kita menggunakan perusahaan pertanian kita sa-chara kunu, menggunakan kerbau bila membajak tetapi sekarang di-gantikan dengan misin² bagi membolehkan kita lebeh chepat. Ini semua ada-lah bergantung kepada kegiatan² kita, kegiatan² orang kampung dan kesedaran orang² kampung bagaimana mustahak-nya mereka mesti berlumba dan berlawan dengan kaum² pemodal—masa sahaja yang akan menentukan nasib mereka pada masa yang akan datang! Pada pendapat saya, di-kampung² orang kita terutama sa-kali; kata-lah dalam Negeri Sembilan orang² dalam Negeri Sembilan ini kebanyakan petani² itu ada-lah terdiri dari kaum ibu; entah macham mana Negeri Sembilan ini menyebabkan lain sedikit, tidak-lah saya tahu. Tetapi di-Negeri Sembilan, kaum ibu suka bertani dan rajin, boleh jadi dia berasal dari orang yang rajin juga dan kaum bapa-nya—bukan-lah saya menyalahkan, tetapi kaum bapa-nya suka duduk di-kedai² kopi. Sa-tengah daripada sa-tengah-nya—ini bukan semua—kadang² kaum ibu dengan pakaian yang basah² pergi bertanam padi, bertanam begitu dan bagini tetapi

ada satu hal yang penting di-galakkan wanita itu ia-itu pegawai pertanian sa-patut-nya mereka itu terdiri dari kaum ibu juga bagi menggalakkan petani² itu maka baharu-lah boleh berjalan dengan baik. Jadi pegawai² wanita itu boleh di-alehkan tempat dengan pegawai² lelaki. Jadi, pada pendapat saya, terlalu sedikit jumlah pegawai² pertanian daripada kaum² ibu kita dan untuk memberi galakan kepada kaum ibu supaya lebih giat lagi maka Kerajaan kita patut-lah mengadakan pegawai² yang terdiri dari kaum ibu bagi mereka² itu.

Dan pegawai² kaum ibu ini jangan-lah terlalu di-ketatkan sangat peng-ambilan-nya. Ambil-lah kaum ibu yang lepas darjah Enam, yang lepas darjah Menengah Kebangsaan itu di-lateh dan hantarkan ka-luar negeri. Di-kampung² bila terlalu tinggi pengetahuan-nya dia sudah tidak dapat menyesuaikan diri-nya dengan orang² kampung, orang² kampung ini suka orang² yang datang itu sa-rupa macham dia. Kalau orang² kampung ini pakai tudong, pakai baju kurong laboh maka pega-wai² yang datang itu paling di-hormati; kalau dia bertutup kepala, tidak pakai lipstick, tidak pakai rambut pendek. Ini di-hormati, ini fahaman saya yang saya tahu. Orang² kampung memang saya perhatikan begitu. Jadi, oleh kerana itu semua pegawai² yang hendak kita hantar ka-kampung² itu hanya boleh kita dapat daripada pemudi² kita yang berkelulusan daripada Sekolah Kebangsaan, yang belum lagi dia meningkat 'ilmu-nya di-dunia luar maka orang itu dapat mensasuaikan diri-nya kepada orang² kampung. Sebab itu, rasa saya, kalau Yang Berhormat Menteri Pertanian membukakan peluang² ini kepada anak² kita yang keluar di-sekolah² Kebangsaan itu, akan tertutup-lah mulut Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang mengata-kan Kerajaan kita telah tidak menggu-nakan dan tidak menghargai kelulusan guru² sekolah atau orang² yang lulus di-Sekolah Kebangsaan itu, kerana sudah banyak kali kita mendengar bahawa ini-lah yang menjadi modal sa-tengah² orang kita mengatakan Sekolah Kebangsaan tidak berguna. Tentu-lah Ahli Yang Berhormat dari

Dungun itu tidak marah, kalau kita menggunakan orang² yang lulus di-Sekolah Kebangsaan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan ikan—ikan darat. Ikan darat ini banyak sudah orang² kita di-lateh yang pada satu masa dahulu mereka telah melawat ka-Kuala Kangsar dan di-beri latehan di-Pulau Pinang. Tetapi malang-nya bila mereka balek ka-kampung, dia tidak ada modal, dia tengok ikan sangat besar², tetapi bila dia masuk ka-kampung hendak mem-buat perusahaan itu, modal tidak ada, duit tidak ada; lama kelamaan 'ilmu yang di-berikan oleh Jabatan Ikan Darat itu hilang begitu sahaja, duit habis, arang pun habis, besi binasa, duit-nya habis, faedah tidak ada. Pada pendapat saya, patut di-berikan ga-lakan kepada mereka ini yang memang sedia ada tempat² memelihara ikan darat, mithal-nya di-Jelebu ia-itu satu tempat di-simpang Pertang. Ayer itu turun chukup molek, oleh itu saya tengok ada kolam² ikan, tetapi saya tidak tahu ada-kah ikan² yang di-pelihara itu dapat menjamin kehidupan bagi petani² itu. Kalau orang² yang macham ini hendak memelihara ikan darat itu, ini-lah orang-nya yang mesti kita berikan, kerana kemudahan²-nya telah ada. Saya rasa Kerajaan tidak akan rugi, kalau memberikan penge-tahuan yang lebih kepada mereka² yang memang sudah ada persediaan di-dalam pemeliharaan ikan darat itu.

Tuan Pengerusi, ini pun satu ke-baikkan juga kepada sa-tiap orang kita di-kampung² itu dapat memelihara ikan darat. Saya rasa, kaum capitalist yang membawa ikan dari luar itu akan mati, sebab kita semua makan ikan darat, ikan haruan, ikan sembilang, jadi, Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat dari Dungun tiga hari dahulu dalam Dewan ini heboh dengan buah gajus, jambu kera, jambu monyet jadi bagi saya sendiri, Tuan Pengerusi, ikan itu hari² dia beranak beribu²—bukan macham buah janggus itu, dia itu ber-buah sa-biji² susah, atau pandan itu berduri kalau melekat di-tangan tentu-lah berdarah. Kalau ikan ini dapat di-galakkan pemeliharaan-nya, saya rasa saya pernah menengok dahulu, Tuan

Pengerusi, di-daerah Indonesia mithalnya, orang² itu menggunakan ayer-terjun membuat kolam memelihara ikan. Ikan itu menambah penghidupan orang² itu, jadi kalau kita di-sini dapat menggalakkan memelihara ikan itu dan di-atas kolam itu kita suroh dia tanam kangkong, bukan sahaja ikan itu dapat di-makan bahkan sayor pun dapat di-makan. Sa-kurang²-nya dia tidak membeli ikan dan sayor, ini bergantung-lah kepada pegawai² pertanian itu sendiri, apa yang patut di-buat, kerana pada masa pemerintahan Jepun dahulu; apa pun di-tanam boleh tumbuh. Baharu² ini saya dapati Ketua Menteri Melaka telah pergi ka-negeri Jepun, dia telah membuat satu penyelidikan berkenaan dengan buloh. Di-negeri Jepun, rasa saya, telah di-kemukakan shor² kepada Kerajaan. Buloh di-Tanah Melayu ini satu sahaja guna-nya, rebong itu di-jadikan jerok; di-gulai dengan ikan sembilang—sedap di-makan. Sa-lain daripada itu, buloh itu untuk meng-halau ayam. Kalau sa-kira-nya kita dapat Kementerian Pertanian dan Sha-rikat Kerjasama ini dapat membuat satu galakan ia-itu buloh² yang banyak di-Persekutuan Tanah Melayu ini ter-buang yang kita membuat bakul dan membuat lemang itu di-jadikan satu perusahaan baharu. Di-rumah kita, kita nampak beberapa banyak per-hiasan terdiri daripada buloh, tetapi malang-nya buloh itu bukan buatan Tanah Melayu. Buloh itu di-buat di-negeri Jepun dan kita beli dengan harga yang mahal. Satu lampu meja harga-nya \$12 kalau di-buat tidak sam-pai pun sa-ruas buloh. Tetapi ini chakap sahaja; hendak buat memang tidak boleh, jadi, patut-lah di-buat penyelidikan apa-kah buloh Tanah Melayu ini boleh di-jadikan bahan² itu? Ini-lah satu ikhtiar bagi saya bahawa buloh di-Tanah Melayu ini tiap² orang kampung ada mempunyai buloh. Bagitu-lah hal-nya, Tuan Penge-rusi, dan patut perusahaan ini di-buat daripada penghasilan ra'ayat itu supaya dapat di-gunakan sa-bagai satu galakan Kementerian ini. Sebab, rasa saya, Kementerian ini-lah yang paling dekat dengan hati ra'ayat; barangkali tidak sampai satu hun dengan ra'ayat dan kepada Kementerian ini-lah ra'ayat

di-kampung² itu mengharapkan sa-moga di-bimbing dan di-bawa oleh Kementerian ini untuk meninggikan taraf hidup mereka di-masa akan datang.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhor-mat, saya suka mengingatkan ia-itu kita telah tiga hari membahathkan dalam perkara Kementerian ini. Ramai-lah sudah Ahli² Yang Berhor-mat berchakap memberikan pandangan dan pendapat serta mendatangkan shor kepada Kerajaan. Jadi kalau sa-kira-nya ramai lagi Ahli² berchakap dalam satu masaalah yang sa-umpama ini, saya takut kita tidak menghabiskan bagi Kementerian ini ia-itu yang patut kita habiskan sa-lama tidak lebeh 14 hari. Saya tahu, Ahli² Yang Berhor-mat ada hak boleh berchakap dua, tiga, atau empat kali pada masa dalam Jawatan-Kuasa, tetapi saya minta-lah supaya dapat dengan sa-berapa chermat dan sa-berapa deras, supaya dapat kita habiskan dengan segera. Jadi dengan Kementerian ini, saya hendak beri peluang kepada Menteri yang berkenaan menjawab-nya. Oleh itu saya benarkan lagi hingga sampai pukul 12½; bila sampai 12½ saya minta Menteri Yang Berhormat menjawab apa² hujah yang telah di-datangkan oleh pehak yang berkenaan.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr Chairman, Sir, I will now speak only under Item (1) Minister of Agriculture and Co-operatives for it is, I think, quite a waste of time to go over the whole Ministry especially when we know that the Civil Service as a whole has done quite a good job all along. To my mind, it is not the Civil Service which has not done a good job, but it is the policy of the Minister that is the crux of the matter.

Enche' Lee San Choon (Kluang Utara): It is the policy of the Alliance!

Enche' Liu Yoong Peng: It is the policy of the Government as imple-mented by the Minister of Agriculture and Co-operatives. As regards the Minister of Agriculture and Co-operatives, I wonder whether our present Minister has so much zest and enthusiasm to put into his work as the

former one. I have some doubt with regard to the present Minister because of his short-sightedness in economic policies, because when he was Minister of Commerce and Industry he attributed the cause in the fall of the price of rubber to synthetic Socialists. Therefore, if we keep on saying something, I am afraid he may even blame the synthetic Socialists for a lot of the shortcomings in the agricultural and co-operatives fields. But I can assure him that we are true Socialists, not synthetic Socialists, and will try to do our best to help him to do some good work in his Ministry.

Touching on agriculture, I think the biggest problem facing the improvement of agriculture in this country is the lack of a channel to market the produce of the kampong people, and it is because of this that, the price is being controlled by the capitalists. Therefore, whenever there is plenty of produce, the prices of these various produce fall; and although in some areas, where due to improvement in agricultural methods and so forth, there is an increase of produce, it is of no use to the farmers because they themselves cannot reap the benefit of their produce. In this respect, Sir, I would like to suggest a number of remedies. The first one is that the co-operatives should be given the chance to expand, not only at the kampong level but at all levels. They should not only collect the produce of the kampong people but they should also be able to market their produce, and in many cases where, in an area, there is a plentiful supply of certain agricultural produce, a factory should be set up in that locality to make use of the produce. For instance, during the course of this debate, I have heard that in Jerantut there are plenty of bananas and as a result of that the price has fallen to seven cents a katty. I think in such a case the Minister should find out in what way we can make use of these bananas with a view to making them into some sort of industrial product. In Indonesia, for instance, I know that the people there used to dry up the bananas and preserve them for a long, long time—these bananas can be kept and still be very tasty even after

six months or a year. If we can find a good method to preserve these bananas, either by canning them or packing them in proper boxes, they can be exported for sale abroad. In this respect, Mr Chairman, Sir, I wish to point out the success which our country has had in the utilisation of the pineapples. There was a time when the Minister complained that the canned pineapple was not having a good sale abroad, and I remember that I suggested that that was due to a lack of advertisement abroad, and after this had been remedied the sale of canned pineapples became better than it used to be. In the same way, I think that if we can have good advertisement abroad to canvass for our new product—we can have these dried bananas beautifully packed and give them such good names as we can think of—then it may be possible to have a good sale in European countries. We know that some countries export dates, and where the dried fruits are being properly preserved, these dates are quite saleable; and I see no reason why our bananas cannot have a good sale abroad if proper care is taken in the preservation of the fruit coupled with good advertisement to boost the trade. This is only one example. What I want to emphasise is that wherever in a locality there is plenty of produce, the Government should consider setting up a factory to absorb all these local produce and then adjust its machinery to facilitate the selling of these products not only locally but also to foreign countries.

Another big problem facing the agriculture of our country is that most of the farmers, most of the people in the kampong areas, have only very small pieces of land—in other words, uneconomic holdings. I have here a booklet on the size of the farms published by the Government. I do not intend to go into detail, but I can give rough figures here. Those farms that are from $\frac{1}{4}$ acre to $9\frac{3}{4}$ acres, which I consider as uneconomic, make up 90 per cent of all the holdings of less than 100 acres and slightly above hundred acres; whereas the holdings that are ten acres and above one hundred acres make up only 10 per cent of all the

holdings. So, we can clearly see that the vast majority of the holdings of the farmers, of the kampong people, in Malaya are very uneconomic, and therefore it would be very difficult for them to make use of modern techniques—mechanisation and so forth—to help them to increase their productivity by making good use of their lands to produce more.

Sir, I remember that the Government seems to think that smallholdings of 8 acres is good enough, but I do not think so, and I think the Minister of Works, Posts and Telecommunications would also not think so, because he had stated that fragmentation was an evil in Malaya and that he would try to remedy this evil by buying up big estates so that these estates which had been bought would not be fragmented. Well, I would like to agree with him that to prevent fragmentation is a good thing, because when an estate is big, the management of the estate is more efficient, and a lot of things that are bought in bulk are cheaper, and also maintenance can be arranged much easier when you have to consider big pieces of land instead of small pieces of land where you have to consult so many people in order to devise, say, a drainage system or something like that. Therefore, I fail to see why the Government is not considering grouping these small pieces of land together into a larger unit, so that they can be more productive in management and other ways. Of course, the Government can say that as these people already have their smallholdings, it is very difficult to remove them. With that I can agree, but I see that even in places where new lands are developed, the Government has no intention of having a very big piece of land as a single unit. In many of these land schemes under the F.L.D.A., the Government has opened up land and then cut it down to plots of 8 acres each instead of maintaining them in big units.

Sir, I think when my Honourable friend, the Member for Damansara, brought up this matter, some of the Honourable Members in this House—for instance, the Member for Jelebu-Jempol—stated that we might be

advocating for the commune system of the communists and so forth. I think for people like him and the Member for Alor Star, it would be a good idea for the Government to send them abroad, or since they are quite well-to-do people, they can even provide their own expenses to go abroad to places like Israel to study the co-operative system there; and further I think that some of the co-operative officers and ex-co-operative officers like the Member for Kota Star Selatan can also do the same thing and go to Israel and many other countries.

AN HONOURABLE MEMBER: But not to Communist China?

Enche' Liu Yoong Peng: I said that they can go to Israel and many other countries. If they were to go to these places, they will find out that the concept of the co-operative idea is not as narrow as what is being accepted in Malaya. We in Malaya have adopted the British heritage of where the co-operative system is actually being contained by the capitalist enterprise.

AN HONOURABLE MEMBER: Hear! hear! (*Laughter*).

Enche' Liu Yoong Peng: This is a small thing and it is not solving the problem of the people. That system may be all right in Britain where the people are comparatively well off; but in Malaya where most of the kampong people do not have sufficient money to go on from day to day, this method of co-operative concept is not going to solve the economic problem of the kampong people. In Malaya we should have something similar to that in Israel in that when land is opened up, the Government should facilitate people to go and settle in that land. Once they are inside the land, they will work as a community and will have a community spirit and, therefore, they can no longer say as some of the people, who are under the F.L.D.A. schemes, say: "All this eight acres of land is my own. I can do what I like. If I want to starve or if I want to sleep, it is my problem. Nobody can tell me what to do." However, in a big piece of land where all the settlers are in the same

community they owe their responsibility to the community; and as they are in a community, there will be people who are experts in various methods of developing the land, and they can work together utilising the knowledge of many people to improve that piece of land. It is in this way that you find that Israel has been very successful and the income *per capita* there is as high as any we can think of in the whole world.

Sir, the last point I want to mention here is regarding the prices of our agricultural commodities. When the prices of agricultural commodities come down, a number of things can be done by the Government as remedial measures apart from the control of import. Let us take the case of rice: if Kelantan has produced more rice, the Government should control the import of rice from Siam, but apart from that the Government should also consider the question of price subsidy. If a farmer has produced a certain amount of rice, the Government must buy that rice and must pay a certain price for it. Now, of course, the Government has already decided to pay \$15 per pikul and this is quite good, but what I mean is that it should be so not only in the case of rice but also in many other commodities, especially when Government is now considering diversification in agricultural products. Therefore, unless the Government can guarantee prices and subsidise the prices of various commodities, it will be quite difficult to even make the farmers themselves to have the courage to start producing some other commodities which actually would be helpful towards the diversification of agricultural commodities.

Lastly, I want to bring up a matter regarding my constituency, that is in respect of Sungei Buloh New Village. For years, the people living there are smallholders, growing vegetables and foodstuffs and so forth, but they are being hampered in growing things by the floods during the heavy rainy season. Since the State Drainage Department has not been able to do enough on this matter, I hope the Federal Government would look into this matter

of drainage in the Sungei Buloh New Village area—and this also covers the Kepong and Jinjang areas—so that those agricultural farmers would not suffer from these floods.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, sa-bagaimana saya katakan tadi ia-itu saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab segala perkara yang telah datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat pada pukul 12.15 ini, tetapi saya telah mendapat kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri oleh kerana perkara ini terlampau panjang maka perkara ini mustahak-lah di-bahathkan lagi. Jadi saya terek balek kenyataan saya tadi dan saya beri peluang lagi kepada beberapa orang Ahli² Yang Berhormat berchakap.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam bidang pertanian dan usaha menambah mata pencharian hidup penduduk di-luar bandar ya'ani Kerajaan telah memberikan berbagai² kemudahan dalam bidang ini. Tetapi saya merayu kepada Kerajaan memberikan peruntokan wang yang lebeh banyak lagi supaya sesuai bagi kepentingan kaum tani dalam negeri ini. Kalau benar² hendak meninggikan hasil pertanian dalam negeri ini saya memberikan dua syarat yang patut di-berikan perhatian oleh Kementerian ini ia-itu Kerajaan hendaklah membentuk sa-buah Jawatan-Kuasa teknik untuk memberikan kemudahan² yang di-perlukan oleh kaum tani. Yang kedua tidak juga ketinggalan memerhati dan mengusahakan tentang kemudahan pasaran sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menarek perhatian dalam Kementerian ini ia-itu berhubung dengan pertanian pada muka 43 dalam perkara tanaman padi. Tanaman padi ini bagi pehak kami di-negeri Johor sa-buah negeri yang sangat kurang dalam usaha-nya menanam padi kira² 6,000 ekar sahaja. Walau pun pada arahan hendak meluaskan penanaman padi dalam negeri Johor itu sedang bergerak dengan sa-berapa chergas. Oleh yang

demikian itu saya mengharapkan kepada Kementerian ini oleh sebab negeri Johor itu sangat kekurangan pada penanaman padi di-berikan galakan dan fikiran² dengan kemudahan² seperti benih di-berikan dengan percuma dan juga dalam hal² lain.

Dalam negeri Johor sa-bagaimana yang telah di-sebutkan tadi penanaman padi sangat-lah kurang dan bukan-lah sa-bagaimana yang ada di-kawasan utara Tanah Melayu ini—kawasan padi yang sangat luas, di-Johor kawasan padi hanya seribu atau dua ribu ekar sahaja di-satu kawasan. Satu perkara yang di-sungutkan oleh petani² di-Johor ia-itu berhubung dengan menunjukkan alat². Saya berharap Kementerian ini supaya membekalkan di-Pejabat Pertanian daerah dua jenis rachun ulat dan rachun tikus. Saya juga telah di-beritahu oleh penanam² padi di-sana, pehak Pejabat Pertanian sangat lambat memberikan bekalan² ini sehingga memakan masa sa-minggu atau dua minggu. Tuan Pengerusi sendiri faham-lah dua minggu Lashkar tikus dan ulat itu telah menghentam padi dengan banyak-nya, saya harap perkara ini dapat di-perhatikan.

Dan kapada petani itu juga kalau rachun ini lambat sampai mereka pernah mengusahakan atau membolehkan padi dengan menggunakan pawang. Konon pawang itu boleh memanggil ulat dan tikus waktu² malam hari. Perkara ini saya fikir di-berikan rachun dengan banyak-nya supaya dapat mengelakkan keperchayaan orang² bertanam padi dalam hal pawang. Hal pawang ini juga kadang² dia hendak bertanam padi dia tidak mahu ikut peraturan Kerajaan ikut chakap pawang. Hal ini mustahak di-nasehatkan petani² supaya jangan ikut chakap pawang di-kampung².

Tuan Pengerusi, saya berjangkit dalam hal parit dan tali ayer dalam muka 48. Hal ini telah banyak di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini. Chuma saya hendak menarek perhatian sedikit sahaja ia-itu betapa besar dan gumbira-nya serta saya mengucapkan terima kasih bagi pehak ra'ayat dalam negeri Johor yang mana Kerajaan telah mengusaha-

kan ranchangan parit dan tali ayer, kalau dahulu dalam kawasan² khas-nya daerah Muar mereka di-sana pernah tidak dapat hasil²-nya seperti kelapa, pisang kerana tidak subur. Tetapi masa sekarang kelapa dan pisang dapati subur, kalau dahulu mereka menoreh getah sa-tahun 7 bulan tetapi sekarang manakala ayer sudah kering mereka boleh menoreh getah sampai 9 bulan. Jadi pehak ra'ayat dalam negeri Johor khas-nya di-Muar tidak ada soal lagi berhubung dengan membayar chukai. Mereka ada-lah dengan ikhlas memberi chukai tali ayer sa-bagaimana yang dikenakan oleh Kerajaan. Tidak-lah lagi timbul rungutan sa-bagaimana rungutan² di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat dari Dungun itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan hal Haiwan. Haiwan juga telah di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat, chuma saya hendak menarek perhatian berhubung dengan dasar Kerajaan membuat kawasan ternakan kerbau dan lembu. Bagi negeri Johor telah di-adakan beberapa tempat ternakan kerbau lembu. Apa yang saya hendak menarek perhatian di-sini, pada masa dahulu Kerajaan telah memberikan kawat dan paku almuniam bukan besi, kalau-lah kerbau dan lembu itu gesir maka kawat itu luroh, terbakar hanchor jatuh di atas tanah. Dengan ini saya harap-lah kalau hendak beri kapada ra'ayat bekalan², beri-lah dengan betul supaya dapat memberi faedah kapada mereka.

Sa-lain daripada itu di-bawah Kementerian ini juga ya'ani kaum penternakan dan juga kaum petani dua usaha ini semua hendak-lah di-kembangkan dengan baik. Saya nampak dalam ranchangan menyuroh ra'ayat memagar di-kawasan itu tidak-lah begitu sempurna oleh sebab keadaan ternakan di-situ terlalu banyak dari satu masa ka-satu masa. Saya harapkan supaya Kerajaan memagarkan kawasan² yang di-letakkan itu dengan chukup sempurna. Dengan jalan contract kawasan² itu dapat di-masokkan ternakan² itu di-lepaskan dan penternak itu mengawal-nya dengan lebeh baik.

Sa-lain daripada itu, saya juga mengucapkan terima kasih kapada

Kementerian ini kerana telah mengadakan satu kawasan ternakan ayam dalam negeri Johor sa-hingga di-namakan ayam baka Johor. Ini satu usaha yang saya fikir pehak ra'ayat menguchapkan terima kaseh dan kita nampak bahawa banyak kemajuan² telah di-buat oleh Kerajaan Persekutuan terhadap negeri Johor.

Berhubung dengan ternakan itu saya nampak Kerajaan telah memberikan ayam, kambing, lembu, dan kerbau. Gemar saya menarek perhatian ia-itu ayam itu kita boleh berikan kepada kaum ibu, sa-suai sangat-lah dengan keadaan kaum ibu sa-bagai pendidik dan penyayang menjaga dengan chukup sa-imbang anak² ayam itu. Tuan Pengerusi, saya menchadangkan ayam di-berikan kepada kaum ibu kerana ada-lah lebeh baik dan sa-suai, dan lembu atau kerbau ini kita berikan pula kepada kaum laki². Sebab anak ayam kalau kita berikan 50 ekor kepada kaum ibu boleh hidup 48 ekor dan kalau kita berikan kepada orang lelaki chuma boleh hidup 40 ekor sahaja. Sayang-nya kaum ibu ini akan anak ayam ini, kalau ayam-nya di-makan musang dia menangis teresak². Sampai reban ayam itu di-bersehkan hari² dan kaum bapa berikan-lah kerbau (*Ketawa*), lagi satu perkara hal menternak kambing juga bagaimana yang telah di-berikan dalam negeri Johor menurut keterangan-nya sekarang dapat di-beri 5 ekor kambing, ia-itu kambing pakai katil, tidak boleh ber-lepas, siapa yang mendapatkan kambing ini ia potong rumput berikan makan atas reban kambing itu. Pada masa sekarang dalam usaha ini sangat mendapat sambutan daripada ra'ayat negeri Johor. Kambing ini pun harus berikan kepada kaum ibu ia-itu 2 jenis binatang di-berikan kepada kaum ibu ia-itu kambing dan ayam. Saya memikirkan, sebab hal ini boleh di-beri tanggong-jawab oleh kaum ibu. Kaum bapa kalau dia jaga kambing, dan kambing ini kurus tidak makan dan minum. Dengan itu saya fikir harus-lah dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam perkara ini. Kemudian dalam pemberian ini pula. Oleh sebab banyak sangat

peladang² kita hendakkan lembu, kerbau. Dan kambing ini, dahulu kita berikan 5 ekor kambing, saya minta sekarang ini di-berikan 3 ekor kambing sahaja, dan lembu itu di-berikan satu ekor sahaja, oleh sebab ramai yang dapat project ini kerana sambutan yang hangat daripada ra'ayat maka berikan-lah sa-ekor sa-orang jua kerana kambing itu beranak-nya lekas. Tiap² 6 bulan dia beranak, sa-tahun dapat 12 ekor. Dengan hal ini kambing adal-ah membawa mata pencharian yang baik dan sangat berkesan.

Tuan Pengerusi, saya berchakap sadikit lagi dalam hal perikanan, ini juga Kerajaan telah meluaskan per-usahaan dalam negeri Johor ia-itu banyak peladang² itu di-berikan ikan darat dan beberapa orang telah di-hantar oleh Kerajaan kerana kursus perikanan di-Pulau Pinang. Bagaimana yang di-sebutkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi. Pada pemberian ikan darat, saya minta ada satu perkara yang saya fikir patut kita jalankan dan timbangkan ia-itu Pejabat ini menjanjikan kepada ra'ayat hendak memberikan ikan Kalo 20 ekor, ikan Lampam Jawa 200 ekor, tapi bila sampai masa-nya yang di-janjikan 200 ekor chuma di-beri 60 ekor sahaja. Ra'ayat di-kampong sekarang khas-nya di-kawasan saya sudah cherdek sadikit kerana dia sudah belajar di-kelas dewasa, mereka tahu mengira atau menghitung 50 atau 60 ekor itu kerana mereka tidak buta huruf lagi.

Mr Chairman: Hadapkan kepada saya.

Enche' Ahmad bin Arshad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, saya fikir, tidak apa² lagi walau pun sa-malam saya telah di-hentam dengan hebat oleh Ahli² Yang Berhormat, ini semua-nya saya fikir perkara yang merepet² sahaja dan salah faham atas apa yang saya berikan pendapat dahulu. Gurindam saya ini ada-lah menusuk hati Kerajaan PAS. Saya pandang dengan kacha mata perkembangan kemajuan dalam negara itu ia-itu macham mana di-buat oleh Kerajaan Perikatan, dengan negeri yang di-buat oleh Kerajaan PAS, negeri Siti Wan Kembang. Yang saya maksudkan

bukan saya kata di-tanam padi tumbuh lalang, maksud saya negeri yang dijalankan oleh PAS di-dalam negeri Siti Wan Kembang, di-tanam padi tumbuh lalang, di-tanam getah tumbuh kemang, ini-lah alamat Kerajaan PAS hendak tumbang (*Ketawa*), ini-lah maksud saya, oleh sebab gurindam saya ini satu segi daripada sastera orang² Melayu, jadi saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu sangat-lah chetek untuk memahamkan. Sebab saya sebutkan ini ia-itu waktu Pilehan Raya dahulu Ahli² Yang Berhormat dari PAS itu pergi memberi da'ayah kepada penduduk² negeri Kelantan mereka hendak beri semua kemewahan², dan kemewahan ini saya sebutkan sa-bagai padi, tetapi manakala mereka memerintah, padi itu tidak dapat, segala kejayaan yang di-janjikan ini tidak ada. Ini-lah erti-nya apa yang di-minta itu tumbuh lalang, dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar, oleh sebab mereka tidak mahu mengikut arahan Kerajaan Pusat, mereka suroh-lah manusia ini masok hutan, keluar hutan tebang itu dan tebang ini tiada jaya ini-lah yang saya maksudkan tanam getah tumbuh kemang. Sa-kali lagi saya menguchapkan terima kaseh kepada Tuan Pengerusi, yang telah memberi peluang saya berchakap.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini menguchapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian, bukan pada Menteri-nya, tetapi kepada Kementerian ini kerana mendapat sa-orang Menteri yang muda, maseh kuat tegap memegang jawatan ini (*Tepok*). Saya harap Menteri kawan saya itu akan memberi tenaga muda-nya dengan sa-penoh²-nya kepada Kementerian ini, kerana saya yakin dan perchaya bahawa Kementerian ini sangat² dahagakan dan laparkan kepada tenaga sa-saorang saperti dia.

Tuan Pengerusi, kalau saya hendak berchakap berkenaan masalaah², soal², perkara² dalam kawasan saya sendiri yang berkaitan dengan Kementerian ini, saya ada sa-ribu satu masalaah yang berkehendakkan satu ribu satu malam untuk saya mencheritakan-nya di-sini, tetapi oleh kerana Yang Berhormat

Menteri ini kawan dan rakan saya yang baik, jadi saya fikir ta' perlu saya chakap satu ribu satu malam untuk menghuraikan perkara² itu. Saya akan menchari satu malam untuk duduk dengan dia untuk mencheritakan masalaah² berkenaan dengan tani, ikan, binatang² dan sa-terus-nya.

Di-sini, Tuan Pengerusi, ada banyak perkara yang saya telah dengar daripada puak pembangkang, khas-nya daripada Socialist Front yang saya fikir, kalau saya hendak ulas satu persatu berkehendakkan berjam² juga daripada saya untuk mengulas-nya, tetapi saya fikir kawan saya Yang Berhormat Menteri akan menjawab-nya, oleh itu saya tinggalkan kepada beliau untuk menjawab-nya sendiri. Tetapi ada satu perkara yang di-uchapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu semalam ia-itu kata-nya sudah tiba-lah masa-nya bagi ra'ayat negeri ini menjeret dan menyatakan dengan suara yang lantang, betapa pedeh dan peret-nya kita duduk dalam system free enterprise. Di-sini, Tuan Pengerusi, kalau saya hendak membandingkan system free enterprise dan system control economy yang di-chadangkan oleh Socialist Front itu sa-bagaimana yang ada dalam negeri Komunis dan sa-umpama-nya, barangkali akan memakan masa juga, tetapi saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu ia-itu ra'ayat Tanah Melayu ini telah pun menyatakan rasa girang dan suka-nya kepada system yang di-pakai oleh Kerajaan Perikatan pada hari ini, kerana dalam pilehan raya Town Council dan Local Council, chalun² dari Socialist Front telah kalah terok di-tangan Perikatan. Ini ada-lah kenyataan tegas dari ra'ayat bahawa mereka itu menerima system dan dasar ekonomi yang di-pakai oleh Perikatan pada hari ini. Lagi satu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu kata-nya Kerajaan Perikatan ini hanya memberi lip service—khidmat mulut di-tepi bibir. Saya ta' mengerti atau ta' dapat hendak memahamkan apa yang di-maksudkan khidmat di-tepi bibir itu, melainkan kalau Ahli Yang Berhormat itu ta' nampak, mata-nya buta, telinga-nya

pekak dan otak fikiran-nya beku hendak memandang kemajuan², perkembangan² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-merata tempat dalam Tanah Melayu ini. Kalau ini di-sifatkan khidmat di-tepi bibir, biar-kan-lah! Tetapi ra'ayat puas hati dengan keadaan sekarang ini.

Sekarang saya suka berbalek kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Saya sa-betul-nya berasa kasehan, kerana serangan² ka-atas beliau dari rakan² saya. Rasa kasehan kita di-sebelah sini ta' sudah²—itu-lah Tuhan memberi kita memerintah negeri ini!

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Satu lawan sa-puloh mana boleh pakai! (*Ketawa*).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya suka hendak betulkan dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dungun, kerana semalam saya tengok dia marah², radang² kepada penyokong² Kerajaan yang di-sabelah sini apakala menegor keadaan dan keburokan yang ada dalam negeri Kelantan. Kata-nya sampai hati kita di-sini memburokkan Kerajaan orang Melayu yang di-perintah oleh orang Melayu, tetapi yang saya tahu di-Kelantan sana di-perintah oleh PAS dan PAS itu bukan-nya Melayu, kerana banyak orang² Melayu tidak ada dalam PAS. Jadi kalau dia mengaku bahawa orang² Melayu yang tidak ada dalam PAS itu bukan Melayu, maka itu saya ta' tahu-lah lojik apa Ahli Yang Berhormat itu pakai. Kata-nya: Menepok ayer di-dulang, terperchek di-muka sendiri. Ini-lah chara Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu meminta belas kasehan dari kami di-sabelah sini, merayu² dan mendayu², tetapi di-sini kita ta' ada belas kasehan kepada PAS. Kita akan hentam Kerajaan PAS dan keburokan-nya, hingga dia hanchor, kerana kalau kita belas kasehan pada Kerajaan PAS apa hal dan nasib-nya ra'ayat Kelantan. Belas kasehan kita bukan patut kita churahkan kepada Kerajaan PAS tetapi patut di-churahkan kepada ra'ayat Kelantan yang menderita akibat pemerentahan satu parti yang tidak bertanggong-jawab. Di-sini jangan-lah

Ahli Yang Berhormat itu berpenat² merayu dan menchorahkan ayer mata buaya di-sini. Kami lebeh sayang orang² Melayu daripada ra'ayat Kelantan daripada kasehankan sa-gelintir manusia yang menchari kepentingan diri dalam negeri Kelantan itu. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu bahawa jangan gunakan Melayu dan orang Melayu ini untuk kepentingan mereka. Apa yang Perikatan buat ia-lah untuk menaikkan taraf orang² Melayu, dan orang² Melayu telah tahu, jadi ta' perlu saya terangkan.

Lagi satu perkara yang saya berasa ta' patut kalau saya tidak sebutkan ia-itu tegoran dari Ahli Yang Berhormat dari Dungun, juga yang menudoh bahawa Ranchangan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor itu tidak berjalan. Ini satu tuduhan ka-atas kechuaian Kerajaan Negeri Johor yang saya rasa sa-bagai wakil ra'ayat daripada negeri Johor tidak patut berdiam diri dalam perkara ini, barangkali tidak ada satu negeri dalam Tanah Melayu ini hendak menanding atau mengatasi negeri Johor dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dalam serba lapangan dan dalam semua lapangan dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Johor ada bekerja kuat dan keras untuk menyempurnakan segala janji² yang kita telah janjikan kepada ra'ayat dalam negeri Johor. Kalau kemajuan² itu sengaja dia ta' nampak dan ta' pandang, maka itu bukan-lah kesalahan projek yang ada terbentang di-sana, tetapi kesalahan mata dan kesalahan telinga-nya yang ta' nampak dan ta' dengar itu. Jangan salahkan Kerajaan Negeri Johor dalam soal Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, Tuan Pengerusi, sa-takat itu-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Veterinary Division di-dalam muka 50. Saya dapat khabar ia-itu pada tahun ini tidak ada peruntukan bagi negeri Kelantan dalam hal memberi pertolongan tentang kerbau-lembu. Keterangan ini saya dengar daripada Pejabat Haiwan, Kota Bharu, saya ta'

tahu benar atau tidak tentang kenyataan ini. Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian ia-itu orang² dalam kawasan saya khas-nya dan di-kawasan yang lain 'am-nya sangat berhajat kepada pemberian kerbau-lembo ini, terutama mereka yang belum dapat.

Tuan Pengerusi, baharu sa-bentar tadi Yang Berhormat dari Johor Tenggara telah membuat satu jawapan yang keras terhadap Yang Berhormat dari Dungun, jadi terpaksa-lah saya, Tuan Pengerusi, mengambil bahagian dalam perkara ini. Tuan Pengerusi, Dewan ini ada-lah yang sa-mulia² Dewan dalam Tanah Melayu ini ia-itu Dewan untuk membuat undang² supaya dapat-lah pentadbiran negeri ini dijalankan, tetapi dalam dua tiga hari yang lalu ini, perchakapan yang dikeluarkan oleh pihak Parti Perikatan, terutama sa-kali Yang Berhormat dari Johor Tenggara dan Muar Utara, nampak-nya mereka itu tidak ada sedikit pun mempunyai akhlak dan tidak sedikit pun menghormati tata tertib Dewan ini. Dengan perbuatan mereka yang tidak bertanggung-jawab itu, mereka itu telah menghinakan kemuliaan Dewan ini—(*di-sampok*)—Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol jangan menyampok sa-masa saya berchakap. Mengikut Peratoran Meshuarat 37, dia boleh berchakap kemudian, kalau dia hendak berchakap. Nampak-nya tata tertib dan Peratoran Meshuarat yang ada ini pun tidak di-ikuti oleh mereka. Ini-lah akhlak ahli Parti Perikatan yang ada dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sa-lama Parti Perikatan memerintah Tanah Melayu sampai sekarang ini apa yang mereka telah buat terhadap orang Melayu? Baharu² ini Kerajaan Perikatan telah menghantar Student Nurses ka-England sa-ramai 250 orang, daripada jumlah ini anak Melayu hanya 3-4 orang sahaja.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, on a point of order 36 (1). Perkara itu boleh di-chakapkan apabila kita membahathkan perbelanjaan Kementerian Kesihatan.

Mr Chairman: Perkara itu tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Pertanian ini. Perkara menghantar nurse ka-England di-bawah Kementerian Kesihatan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, masaalah ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Johor Tenggara yang mengatakan Kerajaan PAS tidak membela orang Melayu. Jadi saya berhak, Tuan Pengerusi, menjawab ucapan Yang Berhormat dari Johor Tenggara itu.

Mr Chairman: Apabila kita membahathkan Kementerian Kesihatan boleh-lah tuan menjawab tentang perkara itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap dalam hal pertanian. Sa-waktu Pilehan Raya Kechil di-Lipis, saya telah beruntung kerana dapat peluang melawat dan membuat kempen di-situ. Saya telah mendapat rayuan daripada penduduk di-Lipis ia-itu mereka telah memohon tanah semenjak tahun 1955 dan mereka telah membayar wang deposit kepada Ketua Daerah di-situ, tetapi sa-hingga sekarang ini permohonan mereka itu tidak di-layan. Walhal permohonan bangsa asing yang di-buat pada tahun 1959 dan 1960 telah di-layan dan mereka itu semua telah dapat tanah, tetapi nasib orang Melayu di-sana sampai sekarang ini belum mendapat apa² layanan pun. Lipis ada-lah kawasan Parti Perikatan. Saya harap wakil Lipis akan memberi keterangan tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, sa-lama Parti Perikatan memerintah Tanah Melayu ini, nasib orang Melayu makin sa-hari makin mundor, dan ahli Parti Perikatan yang ada dalam Dewan yang mulia ini bukan-lah memberi satu pandangan atau pun tegoran yang membena (constructive criticism), tetapi mereka itu mengambil peluang untuk menerbitkan perchakapan yang tidak sayugia di-keluarkan dalam Dewan ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, sejarah akan menulis bahawa mereka itu mengkhianat kepada tanah ayer mereka.

Dan saya yakin, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya wakil Johor Tenggara dengan

kelakuan-nya yang ada sekarang ini dan gerak geri serta fahaman-nya yang ada sekarang ini, kalau sa-kira-nya dia balek ka-tanah ayer-nya di-tanah Arab sana saya yakin dia akan di-champakkan masok ka-laut.

Mr Chairman: Tarek balek.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya yang sa-betul-nya tidak berniat hendak berchakap di-atas perkara ini tetapi apabila mendengar perchakapan² yang tidak bertanggung jawab yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Johor Tenggara itu maka saya pandang adalah kewajipan saya menjawab-nya bukan sahaja di-dalam rumah ini bahkan di-luar Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya berasa suka-chita mendengar bahawasa-nya Kementerian ini pada tahun yang akan datang akan memelihara anak² ikan di-Kelantan maka saya bagi kebaikan ini menguchapkan ribuan terima kaseh. Walau pun perkara ini sudah sangat terlambat tetapi nampak-nya langkah telah di-ambil untuk memberi anak² ikan ini di-negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang suka saya berchakap sedikit perkara ternakan ayam. Perkara ternakan ayam ini di-Kota Bharu telah mendapat sambutan yang baik dan penduduk² terdiri dari orang² Melayu kita di-Kota Bharu telah mengambil bahagian chergas dalam perkara ternakan ayam ini dan banyak orang² Melayu di-sana boleh di-katakan tiap² sa-orang daripada mereka itu memelihara 7 atau 8 ratus ekor ayam dan bukan sahaja mereka memelihara ayam yang begitu banyak tetapi mereka telah memelihara itek dan lain² binatang yang mereka itu telah mengambil bahagian yang baik. Oleh yang demikian saya harap Kementerian ini memberikan galakan kepada mereka itu supaya dengan galakan yang diberikan kepada mereka itu, perusahaan ini akan bertambah berkembang di-masa yang akan datang.

Satu perkara yang suka saya menarek perhatian ia-lah bahawasa-nya mereka itu sedang menghadapi kesusahan tentang kemasokan telur daripada negeri Siam. Saya harapkan Ke-

menterian ini supaya mengambil tindakan bahawa telur² itu dapat di-tahan daripada di-masokkan dalam negeri Kelantan. Kerana perkara itu kalau di-biarkan maka ini akan menyebabkan kerugian yang besar dan akan menyebabkan kerosakan ternakan ayam ini di-negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara Publication Branch. Orang² di-pantai timur lebeh² lagi di-Kelantan sangatlah berharap akan mendapat buku² dalam bahasa Melayu dan kalau boleh di-dalam tulisan jawi yang menerangkan jalan² dan peratoran² untuk memelihara ayam itek dan lain² binatang lagi. Kerana nampak-nya mereka itu ada membuat aduan² kepada saya bahawasa-nya buku² itu tidak begitu banyak di-berikan di-sana. Oleh yang demikian saya minta-lah kepada Kementerian yang tersebut ini supaya di-kirimkan buku² ini lebeh² lagi kalau boleh dalam tulisan jawi kerana mereka itu orang² kampung tidak begitu pandai membacha rumi bahkan mereka itu chuma pandai bacha jawi sahaja. (*Di-sampok*). Tuan Pengerusi, saya fikir Parlimen yang berjalan ini barangkali macham Parlimen di-negeri Arab. (*Di-sampok*).

Mr Chairman: Jangan menggunakan perkataan Arab itu lagi kerana itu saya fikir tidak ada kena mengena dengan perkara ini. Saya fikir baik tuan tarek balek perkataan itu.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Minta dia tarek balek, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Kalau sa-kira-nya sa-orang yang membuat ucapan bila di-sebutkan perkataan Arab, semua orang Arab kena, termasuk-lah saya sendiri (*Ketawa*) dan juga termasuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi jangan-lah sentoh lagi perkataan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Wakil Johore Tenggara selalu-nya apabila saya chakap dan juga wakil² daripada pihak Parti Islam sa-Tanah Melayu berchakap selalu dia mengganggu. Pada hal kita ada mempunyai Standing Order 37 yang tidak membenarkan

wakil² yang lain tidak mengganggu wakil² yang berchakap tetapi sayang Undang² itu di-hanchorkan.

Mr Chairman: Saya sudah selalu menerangkan tadi bahawa perkataan Arab itu jangan di-sebutkan. Jadi dalam perkara ini sudah saya tegor beberapa kali.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Sa-betul-nya saya tidak berniat hendak menyentoh saudara saya yang datang dari Johore Tenggara itu kerana

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, dia tidak menarek balek perkataan dia tadi dan dia maseh menyebutkan lagi.

Mr Chairman: Saya tidak suroh dia menarek balek. Saya kata jangan menyebutkan perkataan Arab itu lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Sa-betul-nya saya tidak berniat hendak menyentoh kerana Rasulullah kita pun ada-lah keturunan orang Arab juga tetapi

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Minta wakil Dungun menyatakan Nabi-nya daripada orang apa?

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tidak ada kena-mengena dengan Dungun, Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Mr Chairman: Itu-lah, saya selalu menegor Ahli Yang Berhormat, apa kena-mengena pula dengan wakil Dungun itu (*Ketawa*). Minta-lah dengan orang yang berchakap; bukan wakil Dungun yang berchakap; wakil Kota Bharu Hilir berchakap sekarang. Jadi, perkara yang macham ini-lah yang me-rosakkan peratoran meshuarat. Selalu saya berchakap kepada Ahli Yang Berhormat di-atas perkara ini.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Dia selalu menyentoh perkataan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya rasa wakil Johore Tenggara itu nampak tidak dapat di-kawal lagi. Kalau manusia tidak dapat di-kawal maka sangat-lah sedeh-nya kerana kita tahu chuma binatang yang tidak dapat di-kawal

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Standing Order 36 (9) tidak ada di-benarkan sa-saorang itu menyebutkan kelakuan atau sipat siapa² Ahli² Parlimen. Saya minta dia tarek balek perkataan-nya itu.

Mr Chairman: Saya harap Ahli Yang Berhormat tidak mengajar saya menyuroh dia tarek balek atau tidak. Kuasa ada di-tangan saya sama ada saya hendak dia tarek balek atau tidak itu kuasa saya. Bila saya dudok di-kerusi ini saya-lah yang berkuasa dalam perkara ini. Hanya sa-bagaimana di-nyatakan oleh Yang Berhormat dari Johore Tenggara tadi fasal 36 (9), biar-lah saya sebutkan di-sini:

"36 (9) Dalam apa² perbahathan, tidak boleh di-sebutkan kelakuan atau sifat siapa² ahli² Parlimen atau siapa² pegawai Kerajaan sa-lain daripada kelakuan pada menjalankan urusan-nya sa-bagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan".

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap tentang

Mr Chairman: Order, order. The time is now one o'clock.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1963, has progressed up to Head S. 12 of the Schedule to the Bill. The House is adjourned until ten o'clock a.m., Monday, 10th December, 1962.

Adjourned at 1 p.m.